

# Ambil peluang bangunkan sahsiah diri

Mahasiswa baharu UMP disaran banggakan keluarga, masyarakat

PAHANG  
MS : 35

DIANA SURYA ABD WAHAB

**KUANTAN** - Mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) khususnya, disaran tidak menia-siakan peluang menyambung pengajian di universiti tersebut dengan menggunakan kesempatan itu untuk membangunkan diri.

Naib Canselornya, Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, dengan mengambil kesempatan itu juga mahasiswa dapat membanggakan keluarga dan institusi pendidikan sekali gus menyumbang kepada keperluan masyarakat.

Jelasnya, mereka dinasihatkan memberi fokus sepenuhnya kepada kehidupan di kampus untuk mengejar kecemerlangan akademik dan sahsiah diri.

"Mereka yang baharu sahaja menjadi mahasiswa hari ini adalah golongan terpilih dan perlu sentiasa ingat akan misi sebenar mereka datang ke universiti.

"Dengan berada di sini mereka sudah menggalas tanggungjawab besar kepada diri sendiri, keluarga serta kami warga pendidik, di sini.

"Mahasiswa juga kena bijak mempersiapkan diri menghadapi era globalisasi dengan memiliki pengetahuan dan



Dr Daing Nasir Ibrahim bergambar bersama 2,145 mahasiswa baharu di Majlis Amanat Naib Canselor UMP dan Lafaz Ikrar Mahasiswa sempena Minggu Induksi Pelajar baharu (MINDS) di Kompleks Sukan UMP, semalam.

INFO

• Seramai 2,145 mahasiswa mendaftar

kemahiran yang tinggi supaya mampu bersaing dalam kebolehpasaran pekerjaan kelak," katanya.

Beliau berkata demikian ketika hadir menyampaikan amanat dalam Majlis Amanat Naib Canselor UMP dan Lafaz Ikrar Mahasiswa sempena Minggu Induksi Pelajar baharu (MINDS) di Kompleks Sukan UMP di sini, semalam.

Seramai 2,145 mahasiswa

baharu universiti berkenaan hadir membaca ikrar diketuai penuntut Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli, Twang Weng Fung di hadapan Naib Canselor UMP dan barisan ahli Senat Universiti.

Dalam pada itu, Daing berkata, UMP turut melaksanakan sistem Purata Penilaian Gred Kumulatif Bersepadu (iCGPA) bagi menilai kebolehan graduan bukan sahaja daripada segi peningkatan akademik malah turut menilai kebolehan pelajar.

Katanya, mahasiswa akan dinilai terutama dalam bidang keusahawanan, kemampuan

pengurusan, kemahiran sosial dan berkomunikasi.

"Pelaksanaan Sistem Profil Pelajar di universiti juga mampu memenuhi kehendak industri moden masa kini.

"Sekarang kita memerlukan graduan bukan hanya bijak akademik, tetapi berketerampilan dalam kemahiran insaniah dan interpersonal," katanya.

Sementara itu, beliau turut menyampaikan sumbangan Intensif Pendidikan bernilai RM1,000 kepada lima orang pelajar baharu yang mempunyai latar belakang keluarga berpendapatan rendah dan miskin.